

25 OCT 2000

Hishammuddin-Amerika

PEMUDA UMNO SERAH MEMORANDUM KEPADA DUTA AMERIKA

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Pemuda Umno hari ini menyerahkan memorandum kepada Duta Amerika ke Malaysia Lynn B. Pascoe mendesak Washington bertindak tegas menghentikan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin.

Memorandum itu diserahkan oleh Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang diiringi beberapa pemimpin pergerakan itu.

Dalam kenyataannya yang dikeluarkan selepas itu, Hishammuddin berkata Pemuda Umno kesal dengan sikap Israel dan Amerika Syarikat dalam menyelesaikan ketegangan di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.

"Pendirian tidak menentu dan sikap berdolak dalih pemimpin Amerika serta Israel bagi mengembalikan keamanan telah mengorbankan banyak nyawa yang tidak berdosa," katanya.

Beliau berkata Presiden Bill Clinton, yang menghadiri sidang kemuncak Asia Barat di Mesir baru-baru ini, bertanggungjawab memastikan keganasan dan pembunuhan terhadap rakyat Palestin dihentikan serta-merta.

Amerika sepatutnya menggunakan kuasa dan pengaruh mereka untuk mendesak Israel menamatkan segera kekejaman terhadap rakyat Palestin, kata Hishammuddin.

"Selaku polis dunia, Amerika harus bertindak segera seperti tindakan dan bantuan yang telah diambil bagi membantu membebaskan Kuwait daripada dijajah Iraq sebelum ini," katanya.

Lebih 130 rakyat Palestin termasuk kanak-kanak dilaporkan dibunuh oleh tentera Israel dalam tindakan mereka menekan kebangkitan semangat juang rakyat Palestin.

Pada satu majlis lain, Hishammuddin berkata Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional Ezam Mohd Noor yang dilaporkan mengaku terlibat dalam gerakan memburukkan Perdana Menteri di luar negara merupakan seorang "penderhaka" negara.

Akhbar hari ini memetik Ezam sebagai berkata pada satu perhimpunan di Alor Setar dua hari lepas, bahawa dia terlibat dalam gerakan memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat .

Dia juga dilaporkan telah mencabar kerajaan mendakwa di mahkamah ekoran daripada perbuatannya di luar negara itu.

Ketika ditanya adakah Pemuda Umno akan mengambil tindakan terhadap Ezam, Hishammuddin berkata : "Kita tidak boleh menyekat beliau membuat kenyataan di mata dunia. Saya harap rakyat sendiri dapat menilai perbuatannya."

-- BERNAMA

ZS ERE AHH MAI